



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 8 malam pada 7 Februari 2025.

Untuk Terbitan Media

7 Februari 2025

SIARAN MEDIA

SINAR BAHARU DI TAHUN ULAR, PENCARUM PUTUS EMPAT JARI TERIMA FAEDAH LEBIH RM42,000 DARIPADA PERKESO

PULAU PINANG: Kadangkala selepas hujan, pasti timbulnya pelangi.

Mungkin itu ungkapan paling sesuai menggambarkan keperitan dihadapi Chang Weng Sum, 48, yang berdepan ujian getir dalam hidupnya selepas empat jari di tangan kanannya putus akibat terkena mesin di tempat kerjanya pada 27 Jun 2024.

Susulan insiden menyayat hati itu, Weng Sum tidak dapat bekerja selama hampir tujuh bulan.

Namun, berkat caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), beliau menerima bayaran Cuti Sakit (MC) selama 204 hari dengan jumlah RM19,402.68.

Weng Sum juga telah dirujuk kepada Jemaah Doktor PERKESO pada 18 Januari 2025 yang kemudiannya menetapkan Orang Berinsurans (OB) layak menerima taksiran hilang upaya kekal sebanyak 60 peratus dengan jumlah bayaran sebanyak RM42,667.32.

Pemberian faedah itu diibaratkan sebagai sinar baharu buat Weng Sum dan keluarga untuk menempuhi hidup di tahun baharu yang kian mencabar, usai sambutan Tahun Baharu Cina yang disambut minggu lepas.

Weng Sum merupakan salah seorang penerima faedah yang diraikan Sempena Sambutan **Tahun Baharu Cina KESUMA PERKESO 2025** yang mana PERKESO menyalurkan faedah berjumlah RM145,972.86 kepada 10 penerima di Bukit Mertajam pada Jumaat.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata faedah itu meliputi Skim Perlindungan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Skim Keselamatan Sosial Suri

Rumah (SKSSR), Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), Hilang Upaya Kekal (HUK), Hilang Upaya Sementara (HUS) dan Pencen Penakat.

Menurutnya, dua pencarum menerima RM9,500 melalui SKSSR, dua lagi mendapat RM32,357 menerusi SKSPS, sejumlah RM9,134 kepada dua penerima SIP, selain RM88,883 diberikan kepada dua individu sebagai penerima HUK, HUS kepada seorang berjumlah RM1,889 dan pencen penakat serta faedah pengurusan mayat berjumlah lebih RM4,200 kepada seorang waris.

”Faedah ini bertujuan meringankan beban mereka terutamanya sempena sambutan perayaan ini, sekaligus menunjukkan keprihatinan PERKESO terhadap kesejahteraan golongan pekerja dan keluarga mereka.

”Ia juga bagi memastikan tiada golongan yang tercicir daripada menerima perlindungan sosial. Justeru, faedah yang disalurkan hari ini adalah simbol komitmen kita dalam membantu meringankan beban golongan pekerja yang memerlukan.”

“Melalui inisiatif-inisiatif yang berterusan seperti pemberian geran bantuan dan perlindungan di bawah skim-skim PERKESO, kita berharap untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, terutama mereka yang paling terkesan dengan cabaran ekonomi semasa,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada **Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina KESUMA PERKESO 2025** di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Azman Mohd Yusof, Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato’ Sri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*leaves no one behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

7 Februari 2025

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my